

PENYELIDIKAN

Peranan Imam Dalam Pengurusan Dakwah Pendidikan Islam Terhadap Latar belakang Sekolah TADIKA Tiga Wilayah Sempadan Selatan Thailand*Abdulaziz Chemamat*, Berhanundin bin Abdullah***** Pelajar Ph.D., Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu Malaysia.**** Prof. Madya, Doctor, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu Malaysia.***Abstrak**

Kajian ini bertujuan Untuk mengenal pasti dapatan perbezaan di antara konstruk pengurusan DPI terdiri dari pengurusan akademik, pengurusan personel, pentadbiran pejabat dan kewangan, aktiviti murid-murid, hubungan kemasyarakatan dan kepimpinan umum menurut latarbelakang sekolah TADIKA yang terdiri dari wilayah yang terletak sekolah TADIKA, bilangan guru sekolah TADIKA, bangunan sekolah TADIKA, persekitaran asal mengikut KONDON oleh pihak kerajaan, bilangan pelajar di sekolah TADIKA yang di bawah pentadbiran Imam, dan masa belajar sekolah TADIKA di tiga wilayah sempadan selatan Thailand. Kajian tinjauan ini merupakan kajian inferensi dengan menggunakan data-data kuantitatif. Seramai 344 responden dalam kalangan pengetua TADIKA yang dipilih melalui teknik pensampelan rawak mudah. Dapattannya Untuk mengenal pasti dapatan perbezaan di antara konstruk pengurusan DPI terdiri dari pengurusan akademik, pengurusan personel, pentadbiran pejabat dan kewangan, aktiviti murid-murid, hubungan kemasyarakatan dan kepimpinan umum menurut latarbelakang sekolah TADIKA yang terdiri dari wilayah yang terletak sekolah TADIKA, bilangan guru sekolah TADIKA, bangunan sekolah TADIKA, persekitaran asal mengikut KONDON oleh pihak kerajaan, bilangan pelajar di sekolah TADIKA yang di bawah pentadbiran Imam, dan masa belajar sekolah TADIKA di tiga wilayah sempadan selatan Thailand.

Kata kunci: peranan Imam, Pendidikan Islam, Sekolah TADIKA, Sempadan Selatan Thailand.



RESEARCH

The Role of Imams in the Management of Islamic Education Da'wah Against the Background of TADIK A Schools in Three Southern Border Regions of Thailand

Abdulaziz Chemamat*, Berhanundin bin Abdullah**

** Student of Ph.D., Faculty of Contemporary Islamic Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu Malaysia.*

*** Assoc. Prof. Doctor, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu Malaysia.*

Abstract

This study aims to identify the differences between the DPI management constructs consisting of academic management personnel management office, and financial administration to the background of the Kindergarten school which consists of the region where the Kindergarten school is located, the number of Kindergarten school teachers, Kindergarten school buildings, the original environment according to the government, the number students in Kindergarten schools under the administration of the Imam, and the study time of Kindergarten schools in the three southern border regions of Thailand. This survey study is an inferential study using quantitative data. There were 344 respondents among KINDERGARTEN principals selected through a simple random sampling technique. Findings To identify the findings of differences between the DPI management constructs consisting of academic management, personnel management, office and financial administration, student activities, community relations, and general leadership according to the background of the TADIK A school which consists of the region where the TADIK A school is located, the number of school teachers kindergarten, the original environment according to by the government, the number of students in Kindergarten school under the administration of the Imam, and the study time of Kindergarten school in the three southern border regions of Thailand.

Keywords: the role of Imam, Islamic Education, School Principal, Southern Border Thailand.



1. Pendahuluan

Tiga wilayah selatan Thailand terdiri daripada wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat mempunyai keadaan yang berbeza daripada kawasan yang lain di negara Thailand yang terdiri cara hidup, bahasa dan budaya mereka yang tersendiri. Cara hidup umat Islam di kawasan tiga wilayah ini mempunyai hubungan rapat dan teguh dengan prinsip-prinsip agama Islam; semenjak kelahiran mereka hingga meninggal dunia. Manakala model pembelajaran mereka bermula mempelajari agama sebagai cara hidup. Mereka menganggap agama Islam merupakan cara hidup kerana Islam tidak memisahkan antara sekular dan agama. Mereka tidak memisahkan antara kepercayaan dan amalan. Salleh, Ahmad Mohd, (2003) menjelaskan bahawa sistem pendidikan Islam ialah suatu sistem yang mempunyai pendidikan yang unik yang berlainan daripada pendidikan umum. Pendidikan Islam adalah satu bahagian yang tidak boleh memisahkan daripada Islam, iaitu tidak boleh memisahkan antara akademik dan agama selaras dengan pendapat (Encik Ibrahim Narong Raksa Ket, 2007:110) menyatakan bahawa realiti pendidikan Islam adalah satu pendidikan bersepadu dengan mengintegrasikan antara agama dan akademik secara langsung iaitu, tanpa memisahkan setiap pendidikan daripada agama. Pendidikan Islam bukan hanya mempelajari al-Quran atau pengajian agama semata-mata, tetapi meramkumi pendidikan pelbagai bidang yang diajar mengikut fahaman dan skop agama Islam. Garis panduan cara hidup merupakan perkara penting agama Islam untuk mewujudkan gabungan yang harmoni. Hakikatnya, kebanyakan masyarakat di tiga wilayah selatan Thailand adalah beragama Islam. Dengan demikian, pengaruh kepercayaan dan gaya hidup penduduk tempatan, terdapat keyakinan dan keimanan kepada Allah. Al-Quran adalah perlembagaan asas dalam melaksanakan cara hidup.

Pembelajaran awal kanak-kanak atau TADIKa di selatan Thailand merupakan proses pembelajaran peringkat pertama. Pada permulaan sistem pembelajaran yang disediakan adalah secara tidak rasmi, tetapi pada tahun 1997 kerajaan Thailand mulai mengambil urusan TADIKa ini di bawah kementerian pelajaran Thailand hingga tahun 2004. Timbalan perdana menteri Thailand dan menteri dalam negeri telah membentuk agenda pembangunan khas terhadap TADIKa. Terdapat 1,882 buah TADIKa kesemuanya di selatan Thai yang terdiri daripada TADIKa Wilayah Narathiwat 666 buah, di Wilayah Pattani sebanyak 700 buah, dan Wilayah Yala sebanyak 509 buah. (Pengaruh Promosi Pertubuhan Hal Ehwal Islam, Haji, 2017). Majoriti operasi TADIKa dilakukan secara persendirian tanpa pemantauan sepenuhnya daripada pihak kerajaan atau lainnya. Tiada silabus pelajaran yang lengkap dan sempurna. Manakala kaedah pembelajaran adalah tidak berdasarkan model yang dilaksanakan secara umum.

Imam yang bertanggungjawab terhadap perkembangan pendidikan agama sentiasa berpindah mengikut arus perdana iaitu sistem pemilihan ala demokrasi. (Akta Pentadbiran



Pertubuhan Islam APPI, 1997) Keupayaan imam dan kedalaman pengetahuan mempengaruhi perkembangan sistem pendidikan agama dan dakwah pendidikan di wilayah kajian.

Ini kesan didapati daripada proses pemilihan Imam dan latar belakang calon, contohnya pemilihan calon Imam di kampung Mundok, daerah Sungai Golok, membuktikan bahawa pemilihan dua calon menunjukkan keputusan perlatikan adalah Imam berdasarkan sistem demokrasi, tetapi ia menjejaskan terhadap dakwah pendidikan. Hal ini disebabkan penyukong yang kalah akan membawa idologi menentang semua kegiatan dakwah yang dianjurkan oleh calon pemenang. (Akta Pentadbiran Pertubuhan Islam APPI, 1997)

Pusat Pengajian Islam di Masjid iatu Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKA) berasal daripada perkataan Melayu yang bermaksud tempat atau pusat untuk menjaga pendidikan Islam melalui pengajaran dan pembelajaran bagi mendidik kanak-kanak Melayu. Pendidikan asas kanak-kanak ini diajar di samping mempelajari pendidikan akademik Thai di sekolah kerajaan. Pendidikan asas agama di TADIKA ini bertujuan supaya kanak-kanak belajar agama di samping usaha untuk menyelaraskan dengan kebudayaan dan identiti mereka. Bangunan TADIKA dibina kawasan masjid sebagai tempat belajar dan mengajar TADIKA. Masa pengajaran dan pembelajaran TADIKA adalah mengikut persetujuan dan keputusan masyarakat setempat, sama ada mengajar pada masa petang Isnin hingga Jumaat atau hari Sabtu dan Ahad.

Penulisan akan memberi penekanan kepada peranan Imam dalam pembangunan kurikulum pendidikan Islam TADIKA dan kaedah penerapan pendidikan dakwah untuk memudahkan pelajar mengamal dan menghayati.

Kurikulum perlu mempunyai matlamat dakwah dan kaedah penyampaian dakwah perlu ditekankan dalam pendidikan TADIKA.


Peranan Imam dalam usaha memimpin pengajaran dan pembelajaran (P&P) bagi pendidikan Islam perlu diketengahkan dan dijadikan asas utama dalam pendidikan TADIKA. Peranan Imam dalam memimpin sekolah dari aspek akademik dan pentadbirannya. Peranan Imam dalam mengawal personel guru-guru TADIKA. Peranan Imam dalam pengurusan dan penyelarasan peruntukan kewangan pentadbiran untuk memajukan pendidikan TADIKA. Peranan Imam dalam pengurusan aktiviti murid-murid dalam memajukan pendidikan TADIKA. Peranan Imam dalam menghubungi masyarakat dalam memajukan pendidikan TADIKA. Peranan Imam dalam menghubungkan Majlis Agama Islam MAI dengan pengurusan pendidikan TADIKA. Peranan Imam terhadap dakwah dalam pendidikan perlu ditonjolkan bagi meningkatkan mutu pendidikan TADIKA.

2. Objektif Kajian

Untuk mengenal pasti dapatan perbezaan di antara konstruk pengurusan DPI terdiri dari pengurusan akademik, pengurusan personel, pentadbiran pejabat dan kewangan, aktiviti murid-murid, hubungan kemasyarakatan dan kepimpinan umum menurut latarbelakang sekolah TADIKA yang terdiri dari wilayah yang terletak sekolah TADIKA, bilangan guru sekolah TADIKA, bangunan sekolah TADIKA, persekitaran asal mengikut KONDON oleh pihak kerajaan, bilangan pelajar di sekolah TADIKA yang di bawah pentadbiran Imam, dan masa belajar sekolah TADIKA di tiga wilayah sempadan selatan Thailand.

3. Konseptual Kajian

Kajian ini pengkaji telah dapat kerangka kajian dari tinjauan analisis dan konsep teori bagi kajian telah dilakukan seperti dibawah;



Rajah: Kerangka Kajian berbezaan latar belakang TADIKA terhadap tahap pelaksanaan dakwah pendidikan Islam

i. Latar belakang sekolah TADIKA (Pemboleh ubah bebas²) kepada enam sub konstruk iaitu; (i) Wilayah (ii) Bilangan guru TADIKA (iii) Bangunan TADIKA (iv) Persekitaran asal mengikut KODON oleh pihak kerajaan (v) Murid-murid TADIKA yang di bawah pentadbiran Imam, dan (vi) Masa mengajar TADIKA.

ii. Tahap pelaksanaan dakwah pendidikan Islam (Pemboleh ubah Bersandar) kepada enam sub konstruk iaitu; (i) Pengurusan akademik (ii) Pengurusan personal (iii) Pentadbiran pejabat dan kewangan (iv) Aktiviti murid-murid (v) Hubungan kemasyarakatan, dan (vi) Kepimpinan umum.

4. Metodologi Kajian

Kajian tinjauan ini merupakan kajian inferens dengan menggunakan data-data kuantitatif (Quantitative Research Method) dengan dipungut melalui soal selidik. (Maxwell, 2005).

4.1. Populasi Kajian

Populasi ialah pengetua guru taman didikan kanak-kanak TADIKA di masjid tiga wilayah sempadan selatan Thailand, yang meliputi 669 masjid di wilayah Naratiwat, 516 masjid di wilayah Yala (Statistik Masjid Selatan Thailand, dalam webside masjidthai.com), dan 659 masjid di wilayah Pattani (dalam webside, <https://th.wikipedia.org/wiki/>). Jumlah masjid di sempadan selatan Thailand semuanya 1,844 masjid. Untuk menggunakan populasi kajian daripada pengetua sekolah TADIKA pada tahun akademik 2020-2021, penkaji memilih sekolah TADIKA yang didaftarkan resmi dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) Thailand yang merupakan sekolah TADIKA dalam sistem akademik pengajian di bawah masjid resmi di KDN. Jumlah populasi semua 1,844 orang pengetua guru TADIKA, yang akan memberi tinjauan terhadap peranan imam bagi pentadbiran pendidikan Islam di sekolah TADIKA mengikut jadual seperti di bawah.

4.2 Sampel Kajian

Persampelan adalah berkaitan dengan proses pemilihan sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian. Kajian ini terbatas sampel kajian kepada pengetua guru yang melaksanakan pengajaran dan pembelajaran agama Islam di sekolah TADIKA yang di bawah masjid di tiga wilayah sempadan selatan Thailand. Hal ini, dipersempelkan bagi tiga wilayah dari sekoah TADIKA dengan memakai teori jadual persempelan Krejcie & Morgan (1970). Responden dipilih secara rawak mudah bagi tiga

wilayah sempadan Thailand iaitu seramai 344 pengetua untuk dijadikan persemplean kajian ini. Populasi kajian seramai 1,844 orang. (Cohen ,L., & Manion,L. 1989.)

4.3 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik (Questionnaires), dan menggunakan skala Thurstone (Thurstone, 1964) yang mempunyai kategori rintangan nilai mulai dari yang tertinggi sampai terendah sebagai alat kajian dan pengumpulan maklumat kuantitatif. Kajian ini didapati daripada kajian tinjauan konseptual dan kajian literatur. Kajian ini terdiri daripada tiga jenis iaitu, soal selidik berkenaan dengan latar belakang TADIKAs mengikut teori Chemamat (2013), soal selidik berkenaan pengurusan sekolah TADIKAs yang melibatkan dengan kontruk pengurusan akademik, pengurusan personal, pentadbiran pejabat dan kewangan, aktiviti pelajar, hubungan kemasyarakatan, dan pentadbiran umum.

Skala Thurstone (Thurstone Scale)

Sangat Kurang	1	2	3	4	5	Sangat Banyak
------------------	---	---	---	---	---	------------------

Oleh itu, dalam menterjemahkan tahap sikap konsep Thurstone, menunjukan status (5) kepada nilai yang menerangkan hasil secara berskala (dalam kes 5 bahagian):

4.4 Tatacara Pemerolehan Data

Kajian ini menggunakan tatacara untuk memperoleh data seperti berikut:

i.Karangan surat laporan untuk meminta kebenaran dan mempunyai instrumen kepada imam selaku pengurus sekolah TADIKAs di tiga wilayah sempadan selatan Thailand yang meliputi 344 masjid untuk diedarkan kepada sampel kajian sebanyak 344 responden daripada pengetua sekolah TADIKAs. Masa pengumpulan data adalah dijangka dalam tempoh tiga bulan. (Kalya Wanibancha, 1999).

ii.Menyimpan instrumen daripada sampel kajian, untuk mengesahkan kesahihan instrumen yang dijawab oleh sampel kajian melalui soal selidik.

iii. Mempunya soal selidik yang dikumpul daripada sampel kajian untuk menganalisis data.

4.5 Teknik Analisis Model

Data yang akan dikumpulkan terdiri daripada soal selidik yang melibatkan lima soalan kajian, iaitu enam soalan tertutup dan satu soalan terbuka. Pakej (SPSS) akan digunakan untuk menganalisis data. (Hair, J. F. & others, 1998).

4.5.1 Statistik Inferensi

Statistik Inferensi ini akan digunakan untuk menguji hipotesis kajian tentang perbezaan signifikan pandangan pengetua sekolah TADIKA mengenai PI dalam pelaksanaan DPI berdasarkan (1) latar belakang responden pengetua sekolah TADIKA, iaitu (1) Latar belakang sekolah TADIKA (2) Pelaksanaan DPI turut dikenal pasti. Beberapa hipotesis telah dibentuk untuk menunjukkan andaian hubungan antara ketiga-tiga pemboleh ubah kajian ini, iaitu tidak terdapat perbezaan antara (1) latar belakang responden pengetua sekolah TADIKA (2) Latar belakang sekolah TADIKA (3) Tahap PI dalam pelaksanaan DPI mengikut kaedah yang diguna dan menggunakan analisis ujian taburan ujian t dan ujian ANOVA sehalu. (Hair, J. F. & others, 1998).

4.5.2 Statistik induktifduksi

Statistik induktifduksi akan digunakan untuk menunjukkan bilangan jawapan dari pandangan responden berkenaan dengan isu dan masalah pengurusan DPI di sekolah TADIKA di tiga wilayah sempadan selatan Thailand. Pandangan responden mengenai. (Luan & Angkana Saiyot, 1999).

5. Dapatan Kajian

Dapatan Analisis Perbezaan secara signifikan bagi latarbelakang sekolah TADIKA terhadap pengurusan dakwah pendidikan di sekolah TADIKA selatan Thailand yang diklasifikasikan mengikut latar belakang sekolah TADIKA; wilayah, bilangan guru sekolah TADIKA, bangunan sekolah TADIKA, persekitaran asal mengikut kondong oleh pihak kerajaan, bilangan pelajar di sekolah TADIKA yang di bawah pentadbiran Imam, dan masa mengajar sekolah TADIKA. Sepertimana dapatan huraian dibawah ini.

Pertama: Dapatan Analisis perbezaan Pengurusan Dakwah Pendidikan di sekolah TADIKA selatan Thailand yang diklasifikasikan mengikut pembolehubah **wilayah** seperti dapatan berikut;



Berdasarkan statistik deskriptif, menurut manual SPSS yang di ujikan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara latar belakang sekolah terhadap Tahap pelaksanaan dakwah Pendidikan Islam. Ini menunjukkan hipotesis nul ditolak dan hipotesis penyelidikan diterima bahawa semua bahagian umumnya terdapat nilai tidak ada perbezaan yang signifikan adalah sig. (.0.05), dan dapat bicara ialah, pengurusan akademik sig. (.0.01), pengurusan personel sig. (.0.04), pentadbiran pejabat dan kewangan sig. (.0.00), aktiviti pelajar sig. (.0.03), hubungan kemasyarakatan sig. (0.21), dan kepimpinan umum sig. (0.00) di antara latar belakang sekolah terhadap Tahap pelaksanaan dakwah Pendidikan Islam, umumnya terdapat tidak perbezaan signifikan di nilai 0.05.

Kedua: Dapatan Analisis perbezaan Pengurusan Dakwah Pendidikan di sekolah TADIKA selatan Thailand yang diklasifikasikan mengikut pembolehubah **bilangan guru** di sekolah TADIKA seperti dapatan berikut;

Berdasarkan statistik deskriptif, menurut manual SPSS yang di ujikan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara latar belakang sekolah terhadap Tahap pelaksanaan dakwah Pendidikan Islam. Ini menunjukkan hipotesis nul ditolak dan hipotesis penyelidikan diterima bahawa ada beberapa daripada bahagian yang terdapat nilai tidak ada perbezaan yang signifikan adalah sig. (.0.05), dan dapat bicara ialah, pengurusan akademik sig. (.0.02), pengurusan personel sig. (.0.02), hubungan kemasyarakatan sig. (0.46), dan terdapat nilai yang perbezaan di nilai signifikan adalah sig. (>0.05) adalah pentadbiran pejabat dan kewangan sig. (.131), aktiviti pelajar sig. (.0.724), dan kepimpinan umum sig. (0.113) di antara latar belakang sekolah terhadap Tahap pelaksanaan dakwah Pendidikan Islam, umumnya terdapat perbezaan dan tidak perbezaan signifikan di nilai 0.05.

Ketiga: Dapatan Analisis perbezaan Pengurusan Dakwah Pendidikan di sekolah TADIKA selatan Thailand yang diklasifikasikan mengikut pembolehubah **bangunan TADIKA sekolah** (kedudukan bangunan TADIKA) seperti dapatan berikut;

Berdasarkan statistik deskriptif, menurut manual SPSS yang di ujikan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara latar belakang sekolah terhadap Tahap pelaksanaan dakwah Pendidikan Islam. Ini menunjukkan hipotesis nul ditolak dan hipotesis

penyelidikan diterima bahawa semua bahagian umumnya terdapat nilai tidak ada perbezaan yang signifikan adalah sig. (.0.05), dan dapat bicara ialah, pengurusan akademik sig. (.0.00), pengurusan personel sig. (.0.04), pentadbiran pejabat dan kewangan sig. (.0.00), aktiviti pelajar sig. (.0.00), dan kepimpinan umum sig. (0.01), bahagian yang dapat perbezaan pad nilai signifikan sig. (>0.05) ialah hubungan kemasyarakatan sig. (0.69), di antara latar belakang sekolah terhadap Tahap pelaksanaan dakwah Pendidikan Islam, umumnya terdapat tidak pebezaan signifikan di nilai 0.05.

Keempat: Dapatan Analisis perbezaan Pengurusan Dakwah Pendidikan di sekolah TADIKA selatan Thailand yang diklasifikasikan mengikut pembolehubah **bangunan TADIKA sekolah** (tingkat binaan sekolah) di sekolah TADIKA seperti dapatan berikut;

Berdasarkan statistik deskriptif, menurut manual SPSS yang di ujian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara latar belakang sekolah terhadap Tahap pelaksanaan dakwah Pendidikan Islam. Ini menunjukkan hipotesis nul ditolak dan hipotesis penyelidikan diterima bahawa semua bahagian umumnya terdapat nilai tidak ada perbezaan yang signifikan adalah sig. (.0.05), dan dapat bicara ialah, pengurusan akademik sig. (.0.05), pengurusan personel sig. (.0.00), pentadbiran pejabat dan kewangan sig. (.0.00), dan kepimpinan umum sig. (0.002), bahagian yang dapat perbezaan pad nilai signifikan sig. (>0.05) ialah aktiviti pelajar sig. (.142), dan hubungan kemasyarakatan sig. (.229), di antara latar belakang sekolah terhadap Tahap pelaksanaan dakwah Pendidikan Islam, umumnya terdapat tidak pebezaan signifikan di nilai 0.05.

Kelima: Dapatan Analisis perbezaan Pengurusan Dakwah Pendidikan di sekolah TADIKA selatan Thailand yang diklasifikasikan mengikut pembolehubah **persekitaran asal mengikut kondong oleh pihak kerajaan di sekolah TADIKA** seperti dapatan berikut;

Berdasarkan statistik deskriptif, menurut manual SPSS yang di ujian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara latar belakang sekolah terhadap Tahap pelaksanaan dakwah Pendidikan Islam. Ini menunjukkan hipotesis nul ditolak dan hipotesis penyelidikan diterima bahawa beberapa bahagian yang terdapat nilai tidak ada perbezaan yang signifikan adalah sig. (.0.05), dan dapat bicara ialah, pengurusan akademik sig. (.0.00),

pentadbiran pejabat dan kewangan sig. (.0.01), bahagian yang dapat perbezaan pad nilai signifikan sig. (>0.05) ialah pengurusan personal sig. (.194), aktiviti pelajar sig. (.257), hubungan kemasyarakatan sig. (.145), dan kepimpinan umum sig. (.297) di antara latar belakang sekolah terhadap Tahap pelaksanaan dakwah Pendidikan Islam, ada terdapat nilai tidak perbezaan dan ada nilai yang perbezaan pada signifikan di nilai 0.05.

Keenam: Dapatan Analisis perbezaan Pengurusan Dakwah Pendidikan di sekolah TADIKA selatan Thailand yang diklasifikasikan mengikut pembolehubah **bilangan pelajar di sekolah TADIKA** seperti dapatan berikut;

Berdasarkan statistik deskriptif, menurut manual SPSS yang di ujikan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara latar belakang sekolah terhadap Tahap pelaksanaan dakwah Pendidikan Islam. Ini menunjukkan hipotesis nul ditolak dan hipotesis penyelidikan diterima bahawasanya dengan secara umum semua bahagian terdapat nilai tidak ada perbezaan yang signifikan adalah sig. (.0.05), dan dapat bicara ialah, pengurusan akademik sig. (.0.00), pengurusan personel sig. (.0.00), pentadbiran pejabat dan kewangan sig. (.0.00), aktiviti pelajar sig. (.0.00), hubungan kemasyarakatan sig. (0.00), dan kepimpinan umum sig. (0.00) di antara latar belakang sekolah terhadap Tahap pelaksanaan dakwah Pendidikan Islam, umumnya terdapat tidak pebezaan signifikan di nilai 0.05.

6. Perbincangan

Dalam perbincangan bagi objektif kajian yang berkenaan Untuk mengenal pasti dapatan perbezaan di antara konstruk pengurusan DPI terdiri dari pengurusan akademik, pengurusan personel, pentadbiran pejabat dan kewangan, aktiviti murid-murid, hubungan kemasyarakatan dan kepimpinan umum menurut latarbelakang sekolah TADIKA yang terdiri dari wilayah yang terletak sekolah TADIKA, bilangan guru sekolah TADIKA, bangunan sekolah TADIKA, persekitaran asal mengikut KONDON oleh pihak kerajaan, bilangan pelajar di sekolah TADIKA yang di bawah pentadbiran Imam, dan masa belajar sekolah TADIKA di tiga wilayah sempadan selatan Thailand.

Dapatan Analisis Perbezaan secara signifikan pada tahap statistik 0.05 bagi Pengurusan Dakwah Pendidikan di sekolah TADIKA selatan Thailand yang diklasifikasikan mengikut latar belakang sekolah pembolehubah wilayah yang terletak sekolah TADIKA, bilangan guru sekolah TADIKA, bangunan sekolah TADIKA, persekitaran asal mengikut KONDON oleh pihak kerajaan, bilangan pelajar di sekolah TADIKA yang di bawah pentadbiran Imam, dan masa

belajar sekolah TADIKA, yang dianalisis dengan secara umumnya terdapat nilai tidak ada perbezaan yang signifikan di antara latar belakang pengutua terhadap Tahap pelaksanaan dakwah Pendidikan Islam, melaikan ada dalam beberapa bahagian bagi latarbelakang sekolah TADIKA yang memberi nilai pada tahap signifikan 0.05

Dapatan ini dengan secara umumnya bagi pembolehubah latar belakang sekolah terhadap pengurusan Dakwah Pendidikan di sekolah TADIKA selatan Thailand berselaras dengan kajian Sawani Sau Nanong (2000), pada beberapabagagian, bahawasanya, Hasil penilaian menunjukkan bahawa Elemen konteks objektif kursus memenuhi objektif kurikulum yang sesuai dengan keperluan umat Islam. Komuniti dan pihak berkepentingan Thailand. memberi pengetahuan dan kefahaman kepada pelajar mengenai prinsip-prinsip Islam. Kajian ini untuk menerapkan pengetahuan yang diperoleh dalam amalan kehidupan harian. Dan beselaras dengan kajian Ahamadkosi Kaso (2005) perbincangan tentang refomasi Islam bagi khalifah Omar Ibnu Abdul Aziz. Hasil kajian beliau didapati bidang pendidikan dapat mengembangkan kualiti pengajaran dengan membuka pengajian Al-quran dan undang-undang Islam kepada masyarakat di beberapa buah masjid dan memberi ganjaran kepada guru yang bertugas dengan ganjaran yang sesuai.

Dulmanaan Baka, Kset Chai, dan Hem, (2006) kajian berkaitan dengan peranan pemimpin Islam dalam mengembang pendidikan Islam di wilayah-wilayah selatan. Hasil kajian beliau menunjukan bahawa pemimpin Islam mempunyai peranan yang sebenarnya dalam mengembang dan membangun pendidikan Islam secara sederhana.

Berselaras pula dengan kajian Tajuddin Usman, Mohammad Rafli Weahama dan zainudin Umar (2003) & Mani Chu Thai (2000), kajian tentang pengurusan masjid di empat wilayah selatan. Hasil kajian menunjukan bahawa jawatankuasa masjid di empat wilayah selatan statusnya adalah sederhana dalam bahagian pengurusan personal. Dan berselaras dengan kajian Mariam Masae (2010), kajian berkaiatan dengan pengamalan akhlak Islam dalam kalangan pelajar sekolah TADIKA mengikut pandangan ibu bapa di daerah Muang, Wilayah Pattani. Kajian ini memanfaatkan kajian lapangan (Survey Research). Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji tahap pengamalan akhlak Islam di kalangan pelajar sekolah TADIKA mengikut pandangan ibu bapa di daerah muang, wilayah Pattani. Hasil kajian menunjukan bahawa tahap kepatuhan terhadap moral dan etika Islam dalam kalangan pelajar sekolah TADIKA adalah berdasarkan pandangan ibu bapa di Daerah Muang, Wilayah Pattani secara

keseluruhan pada tahap tinggi dan setiap sembilan aspek tersebut adalah kebersihan kesopanan dalam kesyukuran, ketekunan, kejujuran, perpaduan, kebaikan dan disiplin menunjukkan berada pada tahap tinggi. Kesetiaan paling tinggi dan ketika menyusun cadangan untuk mematuhi akhlak Islam para pelajar sekolah TADIKa sesuai dengan pandangan ibu bapa dalam pelbagai bidang, iaitu kemampuan, ketekunan, ekonomi dan kebaikan, dalam bahagian aktiviti pelajar.

Bahagian perhubungan kemasyarakatan terdapat selaras dengan kajian Chek Mohammad San Chek Umar (2003) kajian tentang peranan imam dalam pembangunan masyarakat tempatan, satu kajian kes di wilayah Pattani. Hasil penyelidikan dadapatinya bahawa Imam di wilayah Patani mempunyai peranan dalam pembangunan masyarakatnya di bidang pentadbiran, ekonomi, sosial, adalah berada sedarhana.

Suwicha Yusong song, (1991) kajian elah ciri-ciri pemimpin Islam yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat, panduan dalam mengadakan kursus pemimpin Islam untuk membangun masyarakat di wilayah. Hasil kajian menunjukkan bahawa ciri-ciri pemimpin Islam yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat di wilayah Pattani, dalam kalangan masyarakat yang sedang membangun. Terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua belah pihak iatu pengetahuan mengenai sumber untuk membantu masyarakat dan pemimpin. Masyarakat yang sudah membangun dan maju yang mempunyai ciri-ciri yang lebih tinggi pengetahuannya mengenai sumber-sumber untuk membantu masyarakat. Sebaliknya, pemimpin masyarakat yang sedang membangun mempunyai nilai lebih tinggi daripada masyarakat yang sudah maju. Manakala dalam bidang lain seperti pemahaman prinsip-prinsip agama Islam. Pengetahuan tentang pembangunan masyarakat, hubungan komitmen sesama manusia, mempunyai jiwa berkhidmat, menerima inovasi, keyakinan terhadap diri, bertoleransi dan mempunyai hubungan dengan pemimpin-pemimpin kampung.

Justerunya, Kepimpinan umum dapat berselaras dengan kajian Angkhana Boonsit (1983) & Arun Siri Phan (1991), bahawasanya terdapat kajian tentang peranan pemimpin agama Islam terhadap masalah jenayah di tiga wilayah selatan. Hasil kajian menunjukkan bahawa imam mempunyai peranan penting dalam mengurangkan jenayah seperti kurus penanaman kaunseling, memberi nasihat dan mengemukakan pedamaian serta kes

pertikaian yang timbul dalam masyarakat. Dan kajian dapat tentang peranan pemimpin agama Islam terhadap masalah jenayah di tiga wilayah selatan. Hasil kajian menunjukkan bahawa krisis imam yang berkaitan dengan pendidikan seperti orang ramai tidak menyedari tentang kepentingan pendidikan yang menjadi kekurangan penglibatan dalam pengebangan pendidikan di sekolah tempatan dan ibu bapa miskin, pelajar kekurangan bekalan peralatan sekolah, yang menyebabkan mereka tidak mahu pergi ke sekolah.

8. Cadangan untuk kajian masa depan

i. Untuk kajian masa depan bagi Pengurusan Dakwah Pendidikan di sekolah TADIKA selatan Thailand mengikut latar belakang sekolah mestikan kaji yang berkenaan menunjukkan bahawa imam memainkan peranan dalam pelaksanaannya dalam bidang pendidikan, kebudayaan, ekonomi, sosial, dan politik yang sangat memuaskan.

ii. Untuk melengkapkan kajian berkenaan peranan Imam dalam Pengurusan Dakwah Pendidikan di sekolah TADIKA selatan Thailand mengikut latar belakang sekolah, mengikut misi-misi atau sifat bagi Imam dan pengetua sekolah dalam mentadbiran sekolah TADIKA di wilayah sempadan Thailand.

iii. Bagi pihak yang berkenaan direk terhadap secara menyekong sekolah TADIKA untuk dalam membantu kewangan kepada sekolah TADIKA pada tempat masing-masing dengan secara berkuliti dan meliputi setiap bidang dalam menguruskan sekolah TADIKA dalam setiap wilayah sempadan Thailand.

iv. Pihak kerajaan yang berkenaan mesti menilaikan setiap-tiap sekolah TADIKA untuk membagunkan kemajuan dalam matapelajaran dan mengajar dalam sekolah dengan memuaskan.

Rujukan

- Ahamat Kosi Kaso, 2005. *Reformasi sosial Khalifah Umar Ibnu Abdulaziz*, Tesis Siswazah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Prince of Songkla. (Salinan).
- Akta Pendidikan Negara Thai, akta 4, 2016. Kementerian Bahagian Pendidikan Negara Thai.
- Angkhana Boonsit, 1983 .*Peranan Pemimpin Islam dengan Isu Jenayah di Tiga Wilayah Selatan*, Tesis Sains Sosial. (Salinan).
- Arun Siri Phan, 1991 .*Peranan Imam dalam Pembangunan Komuniti : Kajian khusus bagi wilayah Songkla, Kajian Sarjana Sastera, Jurusan Kajian Kes Thailand*, Srinakharinwirot University. (Salinan).
- Chemamat. 2013. *Peranan imam dalam pengurusan dakwah pendidikan islam di taman didikan kanak kanak (tadika) tiga wilayah sempadan selatan Thailand*. Tesis Ph.D. Universiti Sultan Zainal Abidin. Terangganu, Malasia.
- Dulmanaan Baka, Kset Chai, dan Hem. 2 006. *Peranan Pengetua Islam dalam Membangunkan Masyarakat Muslim Wilayah Sempadan Thailand*. Research, Islamic Studies, Prince of Songkla University.
- Ibrahim Narong Raksa Ket, 2003. *Philosophy of Islamic Studies*. Pattani: Islamic College, Prince of Songkla University.
- Ibrahim Narong Ratsa Ket, 2007 .*Penyelidikan Islam di selatan Thailand, Journal Kajian Indo China, Siri Krisis Penimbakan Selantan Thailand*. .56-86 :(1) 7
- Kalya Wanibancha. 1999. *Statistical analysis: Statistics for decision making*. 4TH. Bangkok: Chulalongkorn College Printing House.
- Krejcie, R.V., & D.W. Morgan. (1970). "Determining Sample Size for Research Activities". *Educational and Psychological Measurement*. 30(3) : 607 – 610.
- Luan & Angkana Saiyot. (1999). *Pengukuran sampingan moral*. Bangkok: Suviriyasan.
- Mani Chu Thai dan grop, 2000. *Imam Mengambil Tahu Tentang Peranannya dalam Memperbaiki Kehidupan Orang Islam di Negara Thailand*, Laporan penyelidikan, Srinakharinwirot University. (Salinan).
- Maxwell, J. A. (2005). *Qualitative research design: An interactive approach* (2nd ed.). Thousand. Oaks, CA: Sage.

Salleh, Ahmad Mohammad. 2003. *Pendidikan Islam*. Oxford Fajar.

Sawani Sau Nanong, 2000. *Kepimpinan*, Nakhon Ratchasima, Rajabhat Institute Nakhon Ratchasima.

Suwicha Yee Son Sung, 1991. *Ciri-Ciri Pemimpin Islam yang Menyumbang Pembangunan Masyarakat dan Panduan Krusus Pemimpin Islam untuk Pembangunan Masyarakat, Wilayah Pattani*, Tesis Sarjana, Jabatan Pendidikan pembangunan komuniti: Universiti Prince of Songkhla. Kampus Pattani. (Salinan).

Tajuddin Usman, Mohammad Rafli Weahama, dan zainudin Umar. (2003). *Pengurusan masjid di empat wilayah selatan*. Research, Islamic College, Prince of Songkla Univesity.

Tajuddin Usman, Muhammad Rafli Wea Mamat, dan zainuddin Nima, 2003. *Pentadbiran Masjid di Wilayah Selantan Thailand*, Kolej Pengajian Islam University Kampus Pattani. (Salinan).

Thurstone, L.L. 1964. *Attitude Theory and Measurement*. New York : John Wiley.